

8529

MAHATHIR - MCA

1981

KUALA LUMPUR, 19 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN SEMUA PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL SUPAYA BERHATI-HATI SEBELUM MEMBUAT SESUATU TUNTUTAN.

+SEKIRANYA KITA TIDAK BERHATI-HATI KITA AKAN MENGALAMI SEPERTI KATA PEPAHAY MELAYU, YANG DIKEJAR TERLEPAS YANG DIKENDUNG BERGICIRAN,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MEMANG SEDAR TENTANG TUNTUTAN-TUNTUTAN YANG DIBUAT OLEH KAUM-KAUM DAN PARTI-PARTI DALAM MALAYSIA YANG SEBAHAGIAN DARIPADANYA ADALAH KETERLAUAN.

+SEBAGAI PERDANA MENTERI DAN Pengerusi BARISAN NASIONAL, SAYA AKAN BERSIKAP SEDERHANA TETAPI TEGAS DAN TERPAKSA MENOLAK TUNTUTAN DARI MANA-MANA PIHAKPUN YANG TIDAK MUNGKIN DITERIMA LANGSUNG OLEH PIHAK LAIN,+ TEGAS BELIAU.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA YANG KE-29 DI WISMA MCA DI SINI, BELIAU BERKATA: +SAYA SEDAR SETAKAT MANA YANG BOLEH SAYA MEMBERI DAN SETAKAT MANA YANG BOLEH SAYA MENERIMA. --  
BERSAMBUNG 1310/MK

B534

MAHATHIR - MCA 2 KUALA LUMPUR

+JIKA SAYA TIDAK TEGAS, KESANNYA ADALAH BURUK BUKAN SAHAJA KEPADA DIRI SAYA, TETAPI JUGA KEPADA NEGARA DAN YANG MENUNTUTNYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANGLAH PERANAN SETIAP PARTI POLITIK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN AHLI-AHLI DAN PARA PENYOKONGNYA.

TETAPI DALAM PADA ITU PARTI POLITIK YANG BIJAK DAN BERTANGGUNGJAWAB TENTU TAHU ADA PERKARA-PERKARA YANG BOLEH DIPERJUANGKAN DAN ADA PULA PERJUANGAN YANG AKAN MENJADI +NON-STARTER+ AWAL-AWAL LAGI, KATA BELIAU.

127

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA DASAR-DASAR KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG TELAH DIUJI DAN DITERIMA OLEH SEBILANGAN BESAR RAKYAT BERBAGAI KAUM DI MALAYSIA PATUT DIKEKALKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MENERUSKAN +STATUS QUO+ YANG TELAH DIASASKAN OLEH PERDANA MENTERI-PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG LALU.

KATA BELIAU DALAM SESEBUAH NEGARA DEMOKRATIK KEHENDAK SESEORANG SAHAJA, WALAUPUN IA PERDANA MENTERI, TIDAK AKAN MENENTUKAN KEJAYAAN.

UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN SEBILANGAN BESAR ATAU MAJORITI DARIPADA RAKYAT HENDAKLAH MEMPUYAI PENDAPAT YANG SAMA. ---  
BERSAMBUNG 1325/MK

MAHATHIR - MCA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA DI MALAYSIA SEKURANG-KURANGNYA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG MEMBENTUK KERAJAAN HENDAKLAH MEMPUYAI PENDAPAT YANG SEALIRAN KHUSUSNYA PENDAPAT BAHAWA PENGEKALAN +STATUS QUO+ ITU ADALAH PENTING UNTUK KEJAYAAN NEGARA.

KATANYA, SEBAGAI SALAH SATU DARI TIGA PARTI YANG TERBESAR DALAM BARISAN NASIONAL, MCA MEMATINKAN PERANAN PENTING DALAM USAHA MEWUJUDKAN KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA.

JIKA +STATUS QUO+ ITU PENTING UNTUK MALAYSIA, MAKA MCA SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG BERTANGGUNGJAWAB HARUSLAH BERUSAHA UNTUK MENGEKALKANNYA.

JIKA MCA KERANA SEBAB-SEBAB TERTENTU CUBA MENGUBAH PERIMBANGAN ATAU DENGAN PERKATAAN LAIN +DISTRUB THE STATUS QUO+, AKIBATNYA ADALAH BARISAN NASIONAL AKAN MENJADI TIDAK STABIL LAGI.

+DALAM KEADAAN INI KITA TIDAK DAPAT MENERUSKAN PEMBANGUNAN DAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG TELAH KITA NIKMATI SELAMA INI,+  
TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP MCA YANG SAMA-SAMA MENGGUBAL DAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA DASAR EKONOMI BARU AKAN MEMBANTU KERAJAAN MEMPERCEPATKAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU. --- BERSAMBUNG 1350/MK

B539

MAHATHIR - MCA 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, APABILA DASAR EKONOMI BARU DICAPAI MAKA TIDAK PERLU LAGI BEGITU BANYAK TENAGA, MASA DAN WANG DITUMPUKAN UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH DASAR ITU.

+TETAPI JIKA KERANA GANGGUAN DAN PERASAAN CUKIGA YANG TIDAK BERASAS, USAHA MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU ITU DITANDINGI DENGAN USAHA-USAHA MENGURANGKAN KESAN USAHA TADI MAKE AKIBATNYA IALAH LEBIH BANYAK LAGI TENAGA, MASA DAN WANG TERPAKSA DITUMPUKAN UNTUK MENJAYAKANNYA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA APABILA SUDAH TERCAPAINYA MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU RAKYAT MALAYSIA TIDAK LAGI PERLU BERASING SATU SAMA LAIN MALAH BOLEH BERGANDING BAHU DAN BEKERJASAMA UNTUK MEMBINA MALAYSIA YANG LEBIH AGUNG.

DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MEMPUYAI POTENSI BESAR DAN SEMUA ASAS UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA SEHINGGA SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

+YANG DIPERLUKAN DARI TIAP-TIAP SEORANG DARI KITA, TIAP-TIAP PARTI DAN KAUM IALAH FIKIRAN WARAS DAN SEIMBANG DAN KEMAHUAN UNTUK BERUSAHA,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENINGGATKAN PERHIMPUNAN ITU BAHAWA POPULARITI MURAH ADALAH UNTUK PARTI PEMBANGKANG SAMBIL BERKATA: +BAGI SAUDARA DAN SAYA HANYA ADA BEBAN TANGGUNGJAWAB DAN KEPERLUAN BEKERJA UNTUK NEGARA.+--BERNAMA 1405/HM